

# Kita berjaya betulkan tanggapan negatif berhubung Islam — Dr. M

UM - 6 FEB 2002

Daripada OTHMAN MOHAMAD

NEW YORK 5 Feb. — Malaysia telah berjaya memperbetulkan tanggapan silap para pemimpin dunia khususnya dari Barat ber-

hubung Islam dan keganasan sepanjang mesyuarat Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang berakhir di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berka-

ta, kehadirannya dalam mesyuarat empat hari WEF yang dihadiri 3,000 pemimpin politik, ekonomi dan masyarakat amat bermakna kerana Malaysia diberi peluang mengepalai bebera-

pa perbincangan mengenai Islam dan keganasan.

Malahan, katanya, pertemuan dengan pelbagai pihak lain dalam majlis-majlis ber-

■ Lihat muka 4

## Kita berjaya betulkan tanggapan negatif berhubung Islam — Dr. M

asingan semasa di sini turut memberi peluang kepada Malaysia menghuraikan persepsi silap yang mengaitkan Islam secara langsung dengan keganasan.

"Mereka nampak lebih faham setelah kita menerangkannya, berdasarkan soalan-soalan yang mereka kemukakan. Ia amat berguna kerana penjelasan berkenaan Islam dan persepsi bahawa Islam ada kaitan dengan keganasan perlu dijelaskan kerana tidak benar sama sekali," katanya kepada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan *Keganasan, Islam dan Tindak Balas Malaysia* di bangunan Asia Society di sini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau juga memberi penjelasan kepada para editor media Amerika Syarikat (AS) mengenai perkara yang sama.

Dr. Mahathir berkata, usaha tersebut menjadi lebih berkesan apabila para pemimpin Islam lain yang menghadiri mesyuarat WEF turut menghuraikan bahawa tiada kaitan antara Islam dan keganasan.

"Mereka juga memberi penjelasan. Pandangan Raja Abdullah II dari Jordan (pada mesyuarat WEF) juga sama dengan pandangan saya. Malahan ketika menemui ramai pemimpin Arab (di sini), mereka bersetuju dengan

pandangan dan pendirian Malaysia," jelasnya sambil yakin mereka juga akan menerangkannya kepada Barat.

Malah, kata beliau, usaha yang lebih kolektif dijangka dilakukan apabila para pemimpin Islam bertemu dan membincangkan soal keganasan pada persidangan Pertubuhan Negara Islam (OIC) yang sedang diusahakan untuk diadakan di Malaysia pada bulan April ini.

Ketika ditanya apakah beliau akan menemui Presiden George W. Bush untuk memberi penjelasan berkenaan Islam yang tiada kaitan dengan keganasan, beliau berkata, ia mungkin tahun ini atau tahun depan.

"Kalau saya tidak berjumpa, mungkin saya menulis (kepada Bush)," jelasnya sambil menyatakan beliau yakin penjelasan kepada kumpulan-kumpulan di sini memberikan pemahaman yang cukup baik berhubung Islam.

Beliau juga memberitahu bahawa golongan yang bertindak ganas mempunyai banyak sebab, bukan sahaja kerana kemiskinan semata-mata.

"Kemiskinan adalah satu daripada sebabnya tetapi ada banyak lagi. Antaranya ialah perasaan orang Islam berasa tertindas dan tidak mendapat keadilan. Oleh kerana negara-negara mereka le-

mah dan tidak dapat bertindak balas, maka ramai yang mengambil tindakan sendiri termasuk perbuatan keganasan.

"Bukan kita bersimpati dengan mereka (yang bertindak ganas) tetapi Barat perlu faham mengapa mereka bertindak demikian sehingga mengorbankan ramai yang tidak bersalah. Jika tidak faham masalahnya, masalah itu tidak akan dapat diatasi dengan jayanya," katanya.

Ketika diminta mengulas soal unilateralisme yang cuba diketengahkan oleh AS pada setiap perbahasan di WEF, Dr. Mahathir berkata, Malaysia mengambil berat perkara tersebut malahan rakan-rakannya juga.

"Kita tidak selesa. Negara-negara Eropah juga sangat tidak selesa dengan perkara itu sebab ada kecenderungan untuk mengeksport undang-undang AS dan diguna pakai di negara lain. Ia menyalahi sama sekali dari segi amalan antarabangsa," tegasnya.

Mengenai prospek pelaburan asing di Malaysia selepas tragedi 11 September, Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, pelabur bersikap positif terhadap iklim pelaburan di tanah air setelah mendapat gambaran tepat mengenai keadaan di sana.

"Kita berharap mereka akan membawa rakan-rakan mereka

yang masih percayakan laporan negatif media Barat, ke Malaysia agar pandangan mereka turut berubah dan tidak lagi menganggap Malaysia sebagai negara Islam yang tidak stabil," katanya.

Mengenai keganasan, Dr. Mahathir menjelaskan lagi bahawa Malaysia dan AS mempunyai perjanjian mengenai ekstradisi yang membolehkan penjenayah dihantar ke AS.

"Jika terdapat bukti seseorang (di Malaysia) melakukan jenayah di AS dan mahkamah kita meluluskan untuk diekstradisi, kita akan menyerahkannya kepada AS," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali meninjau tapak menara berkembar Pusat Dagangan Dunia yang musnah di sini, yang lebih dikenali sebagai 'Ground Zero'.

Dr. Mahathir turut meletakkan kalungan bunga sebagai tanda simpati kepada mangsa dan keluarga mangsa tragedi 11 September itu.

Pada masa ini, sisa bangunan terbabit telah banyak dikeluarkan dan usaha membersihkannya masih diteruskan. — Utusan